

ORANG-ORANG KITA YANG TIDAK PATUT DILUPAKAN

Terbit daripada permintaan *Mem Lorimer* penjaga kutubkhanah yang kehormat bagi Tan Tok Seng Hospital maka kita telah melawat ke sana untuk melihat dan memerhatikan keadaan lebih kurang seratus orang Melayu yang berubah di sana terutamanya di bahagian orang-orang yang mengidap penyakit batu, kering yang di antaranya ada orang-orang yang sudah tinggal di sana selama enam tahun dan ada di antara mereka itu yang tidak berkeluarga langsung. Sungguhpun lautan ini hanyalah sekadar hendak mengambil tahu berkenaan buku-buku bacaan yang digemari oleh orang sakit itu tetapi di sebalik itu kita telah mendapat peluang bercakap-cakap dengan mereka yang di antara percakapan-percakapan itu adalah menunjukkan kesedihan dan dukacita mereka oleh kerana telah bertahun-tahun lamanya mereka tidak pernah menerima lautan daripada saudara-saudaranya orang-orang Islam pada hal pihak pertubuhan Kristian datang ke sana dua tiga kali seminggu dengan membawa pula buah tangan dengan tutur kata yang baik serta ramah tamah.

Kita apabila tiba di sana telah di bawa melawat ke tiap-tiap Bahagian orang-orang yang menghidap penyakit batuk kering yang di dalamnya bercampur gaur segala bangsa dan di sana kita Dapati ada orang-orang kita yang duduk di sana bertahun-tahun lamanya dan ada juga yang baharu tujuh di lapan bulan. Di antara mereka itu ada yang berasal dari negeri-negeri Melayu di Pedarishin. Mereka itu nampaknya puas hati dengan layanan yang tidak membeza-bezakan itu.

Tatkala kita tanya kepada mereka itu adakah dalam masa mereka berada di sana telah pernah orang-orang Islam atau orang-orang Melayu daripada pertubuhan-pertubuhan datang melawat? Mereka menjawab: Tidak pernah seorang pun yang datang melawat. Sekiranya, kata mereka ada lawatan yang demikian maka sudah tentu akan mengembirakan dan akan menyukacitakan hati mereka kerana mereka akan terasa bahawa dengan lawatan yang demikian itu akan mempengaruhi jiwa dan akan membesarkan hati mereka. Mereka terasa terkilan dan melihat bagaimana bertalu-talu pihak Petubuhan Kristian melawat ke tempat-tempat itu, memberi “nasihat” dan menghiburkan orang-orang yang tinggal di sana dengan tidak sunyi pula membawa buah tangan dan menyampaikannya dengan ramah mesra dan tutur kata yang halus.

Mereka berpesan dan berharap akan lawatan-lawatan daripada orang-orang kita kerana dengan lawatan-lawatan itu adalah akan membesarkan hati mereka sebab, kata mereka. Di dalam keadaan menghidap sakit itu, berbulan-bulan dan bertahun-tahun tinggal di sana, adalah perasaan dan hal ehwal mereka sangat

runding dan dengan lawatan-lawatan itu nanti mereka berharap akan mendapat nasihat-nasihat dan galakan-galakan yang akan mengurangkan kerunsingan dan kelemahan perasaan mereka itu.

Menurut keterangan Mam Loreimar yang menjaga kutubkhanah bagi rumah sakit Tan Tok Seng dengan suka rela itu bahawa banyak buku-buku bacaan bagi orang-orang sakit di sana sangat-sangat dikehendaki supaya mereka dapat membaca dan menghabiskan masa mereka di tempat itu. Dengan kerana itu maka banyak buku-buku bacaan dan majalah-majalah lama huruf Jawi dikehendaki untuk mereka sedang kumpulkan wang baginya untuk membeli tidak ada dan kerana itu maka ia berharap daripada penerbit-penerbit atau daripada orang ramai suka kiranya menghantarkan buku-buku sama ada baharu atau lama untuk bacaan mereka. Sesiapa daripada orang-orang kita yang suka berihsan dan ingat kepada mereka itu terus menghantarkan kepada :-

MRS. LORIMER,

Hon. Librarian,

TAN TOCK SENG HOSPITAL
SINGAPORE

Kita suka menarik perhatian pertubuhan-pertubuhan terutamanya pertubuhan-pertubuhan yang di Singapura ini supaya memerhati hal-hal yang tersebut di atas ini. Kita berharap bahawa penganjur-penganjur Islam supaya memandang barat di dalam perkara ini lebih daripada pandangan barat mereka terhadap kepada meraikan orang-orang atau saudara-saudara kita yang datang dari negeri lain

dengan disambut dengan jamuan teh dan seumpamanya mereka itu jangan kita lupakan oleh kerana kita sebagai orang Islam diwajibkan menghampiri dan melawat saudara-saudara kita yang keadaannya seumpama yang tersebut di atas.

Lawatan daripada penganjur-penganjur dan daripada pertubuhan-pertubuhan Islam seumpama itu adalah sangat perlu oleh kerana di dalam masa mereka melawat itu barangkali ada hal-hal yang patut mendapat perhatian pihak pertadbiran di tempat-tempat itu dan kalau pun tidak dengan kerana itu adalah ia akan menggalak dan mentenangkan hati mereka itu sabar menahan penyakit yang dihadapi oleh mereka. Banyak lagi faedah-faedah yang didapati daripada lawatan itu yang di antaranya menjadikan mereka terasa bahawa mereka ada mempunyai saudara yang hamper kepada mereka.

Kita berharap hal-hal yang demikian ini menjadi perhatian yang utama bagi pertubuhan-pertubuhan Islam dan mengadakan rancangan-rancangan tidak hanya sebagai rancangan-rancangan yang biasa tinggal di dalam rancangan jua tetap hendaklah di amalkan dengan amalan-amalan yang tulen. Mudah-mudahan hal saudara-saudara kita yang seumpama ini mendapat perhatian yang utama daripada orang-orang kita Islam adanya.

BUKTI YANG NYATA

Di bawah ini ialah surat yang dihantar oleh Jabatan Penerangan Agama Bandar Jakarta Raya yang di dalamnya menunjukkan bahawa pemeluk-pemeluk Islam di kampung-kampung dan di daerah-daerah bandar itu umumnya menyukai huruf Jawi dan agak benci dengan huruf Latin yang ada sekarang. Ini adalah keterangan yang nyata bahawa di Indonesia huruf Jawi itu belum lagi mati sebagaimana yang telah dituloh oleh mereka itu.

KANTOR HUSAN ISLAM SUSA PRABU
DIJAKARTTA - RAYA
JALAN PINTU AIR 1
Djalan Pintu Air 1 . Djakarta

Datara 30 Desember 1952

KEPADA

No. :
Lampiran :
Hal :

Nota

Jth. Tuan Redaksi majallah "QALAM"
356. Geylang Road, Singapore. 14

M A L A Y A

Assalamualaikum w.w.

Terlebih dulu kami dari seksi/Publikasi K.U.A. Kotapradja Djakarta Raya, memintak diperbanjak maaf oleh karena ketelatan mengirim surat ini.

Sebenarnya telah lama kami hendak mengirinkan surat sebagai memberi tahukan bahwa kami berniat hendak mentjangkok karangan bapak HAMKA yang ada dalam majallah QALAM no. 19 Djumadil-Awal-Februari 1952, yang berkepala kepada sahabat-2ku di Semenandjung, yang isinya ialah mempertahankan huruf Djawi di kepulauan Nusantara, lebih-2 di Malaja, maka di Indonesia sendiri, kami merasa bahwa huruf Djawi itu, memang tidak dapat di kesampingkan saja. Ternjata bahwa kebanjakan pemeluk-2 Islam di daerah-2 dan di daerah-2 di Kotapradja Djakarta Raya, umumnya menyukai huruf djawi dan agak bentji dengan dengan huruf latin yang ada sekarang.

Oleh karena demikian, untuk tersiernja semua pendidikan -2 yang berbau Islam, kami merasa ada baiknja artikel itu, disampaikan djuga dalam kalangan masyarakat ramai, terutama kepada mereka yang memegang pendidikan di Indonesia pada hari ini.

Maka tjukuplah agaknja, dan tidaklah akan memberi kekesalan kepada tuan redaksi, djika kami telah mengutip isi dari karangan beliau teb.

Lebih dulu, kami aturkan terima kasih !

Wassalam kami
Kantor Penerangan Agama Kotapradja
Djakarta Raya.
Kepala Seksi Publikasi
(Fachrudin H. Jas)

Tembusan dikirim
kepada bp. HAMEA.
di Djakarta.

Harga Langganan Qalam

Setahun	\$7.20
6 Bulan	\$3.60

Langganan Tiga Bulan Tidak diterima